

17/04/2000

Negara membangun wajar dibenar memberi pandangan

Mior Kamarul Shahid in Havana, Cuba

SIDANG Puncak Ketua Negara Selatan Kumpulan 77 (G77) di Havana, Cuba, berakhir Sabtu lalu dengan azam untuk meningkatkan perpaduan 133 negara anggota. Mereka berikrar untuk memperjuangkan nasib empat per lima penduduk dunia, yang kini menghadapi pelbagai ancaman yang lahir dari eksploitasi negara-negara maju.

Matlamat utama untuk bersatu tenaga kian jelas. Ini terbukti menerusi usul yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang itu yang menegaskan betapa suara G77 tidak boleh dipandang sepi oleh negara-negara Kumpulan 8 (G8).

Usul Dr Mahathir itu menghasilkan satu resolusi yang mana semua negara anggota G77 menegaskan untuk meningkatkan iltizam bagi melaksanakan tanggungjawab masing-masing demi memastikan negara-negara Selatan tidak dianaktirikan dalam apa juga perkembangan dunia. Mereka menyeru negara-negara Utara supaya sama-sama menjayakan fungsi berkenaan. Sebagaimana disarankan oleh Dr Mahathir, negara G77 bersetuju untuk memberi mandat kepada pengerusi sidang yang juga Presiden Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) supaya menyalurkan kepada Sidang Puncak G8 akan datang dan forum antarabangsa lain termasuk institusi kewangan dan perdagangan antarabangsa, mengenai kebimbangan dan kepentingan negara membangun sebagaimana diperdebatkan sepanjang sidang puncak G77.

Sidang Puncak G77 itu juga menerima syor Dr Mahathir supaya suara negara-negara Selatan mesti diwakili dalam apa juga forum yang membincangkan soal sosial, ekonomi atau politik.

Paling tegas, G77 tidak akan menerima apa juga keputusan berkaitan isu sosial, ekonomi, kewangan atau kerangka politik tanpa perwakilan daripada negara-negara dunia ketiga itu. Apa juga keputusan tanpa penyertaan negara-negara ketiga tidak akan dianggap sebagai keputusan yang terikat dengan undang-undang antarabangsa.

Keputusan sidang dipaparkan menerusi Deklarasi Havana yang menggariskan 40 perkara pokok dalam semua bidang. Ini disusuli dengan satu Program Bertindak yang membabitkan isu globalisasi, Pengetahuan dan Teknologi, Kerjasama Selatan-Selatan, Hubungan Utara-Selatan dan Susulan Institusi.

Sejajar dengan seruan Dr Mahathir ketika berucap pada sidang itu, supaya tafsiran globalisasi diubahsuai jika ia tidak memberi faedah yang diharapkan, ketua-ketua negara bersetuju supaya globalisasi seharusnya memberi faedah kepada semua negara dan rakyat. Apa yang harus dipentingkan ialah hasil, bukan kaedah. Ia seharusnya meningkatkan penyertaan berkesan negara-negara membangun menerusi dasar ekonomi antarabangsa dalam konteks pengelobalan ekonomi dunia. Untuk itu, satu kumpulan penasihat peringkat tinggi disertai personaliti terkemuka dan cendekiawan dari negara Selatan akan menyediakan laporan mengenai globalisasi dan kesannya terhadap negara membangun.

Ketua-ketua negara itu juga bersetuju dengan kerangka kewangan antarabangsa yang diperjuangkan oleh Dr Mahathir untuk mengatasi isu pembiayaan pembangunan dan kestabilan sistem kewangan antarabangsa termasuk mengenakan peraturan terhadap dana lindung nilai dan institusi pembiayaan, di samping mewujudkan sistem amaran awal bagi membolehkan negara-negara berkenaan bersiap sedia lebih awal menghadapi darurat dan krisis kewangan.

Deklarasi Havana mengambil kira pandangan Dr Mahathir yang mahukan negara-negara anggota bertindak menerusi perpaduan demi kepentingan dunia.

Mereka membangkitkan soal 1.3 bilion manusia di planet yang kini bertarung untuk hidup akibat kemiskinan yang kritikal. Mereka mengharapkan anak-anak mereka bebas daripada tragedi kelaparan. Mereka memperjuangkan nasib 900 juta rakyat yang menghadapi masalah kebuluran. Mereka mencari keadilan dalam sistem dunia yang ditafsir oleh Barat - globalisasi. Apakah ertinya globalisasi yang diagung-agungkan sedangkan di satu sudut dunia, negara-negara maju menunjukkan kemegahan mereka dengan kemajuan sains dan teknologi sedangkan di satu sudut dunia pula kematian demi kematian berlaku hampir setiap saat. Apakah erti kemajuan di bidang perdagangan, jika masih ramai manusia di negara Selatan terpaksa memerah keringat dan tulang empat kerat untuk mendapatkan sepinggan nasi.

Tanggungjawab besar ini diletakkan kepada pemimpin 133 negara membangun ini untuk memastikan saat genting kematian 12 juta kanak-kanak akibat penyakit, dapat dielakkan. Mereka mempunyai hak untuk hidup jika Barat menyedari bahawa perjuangan hak asasi manusia adalah isu kritikal di sesetengah negara hari ini.

Sebagaimana dijelaskan oleh Dr Mahathir, tafsiran globalisasi perlu diubahsuai jika ia tidak menepati matlamatnya. Apakah ertinya globalisasi jika ia tidak dapat menyelesaikan isu kemunduran sesetengah negara. Globalisasi tidak seharusnya dilihat dari satu sudut dunia semata-mata, kerana masih banyak negara yang meletakkan harapan menggunung daripada pengertian globalisasi.

Globalisasi ekonomi dunia, umpamanya, tidak boleh diterima jika masih banyak negara yang mengalami kemiskinan. Hari ini globalisasi memberi keuntungan kepada golongan minoriti, bukan majoriti.

Barat mengagung-agungkan slogan yang mengatakan dunia hari ini sudah pun mempunyai sistem ekonomi dan kewangan. Soalnya, apakah ia sistem yang adil dan boleh dipertahankan? Sesuatu sistem tidak akan bererti jika ia tidak dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat, gagal mengurangkan jurang kemiskinan dan tidak mampu menyediakan peluang pendidikan dan kesihatan sewajarnya. Sesuatu sistem kewangan boleh menjadi bahan ketawa jika spekulator mata wang sewenang-wenangnya terus membuat untung lumayan, sedangkan peladang, penoreh getah, pekerja lombong dan sebagainya, masih terus hidup dengan kekurangan zat dan makanan.

Walaupun, sidang puncak G77 ini menunjukkan kesepakatan, namun mereka masih belum dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Dr Mahathir dengan jelas menegur kelemahan sikap negara-negara dalam kumpulan itu supaya bersatu menghadapi cabaran masa depan. Tidak bersatu adalah kelemahan paling utama yang perlu diatasi sebelum G77 boleh menghadapi negara maju terutama Kumpulan G7 yang hanya dianggotai lapan negara, tetapi mampu menggugat kumpulan yang dianggotai lebih banyak negara tetapi sering bercakaran yang mungkin disebabkan masalah agama, ideologi, perkauman dan sebagainya.

Sidang Puncak G77 di Havana ini membuka jalan untuk menentukan kedudukan mereka sebelum mampu membuat apa juga tuntutan dan menghadapi negara-negara maju. Hakikatnya, negara-negara maju juga memerlukan negara-negara membangun untuk memajukan negara dan rakyat mereka. Adalah mustahil negara maju boleh hidup senang lenang jika kadar kemiskinan dan kelaparan di negara membangun dan miskin, tidak dapat diuruskan. Apakah mereka mampu menerima jutaan manusia berhijrah ke negara mereka jika tidak langsung menghiraukan masalah di negara-negara membangun dan miskin yang bermasalah. Negara-negara maju juga sudah tentu tidak mahu terus menerus dikritik kerana tidak berhati perut. Tetapi, segala-galanya perlu dilakukan menerusi perpaduan negara-negara membangun. Jika negara-negara membangun bangkit untuk memperjuangkan hak pembangunan, mereka perlu melakukannya dengan satu suara dan satu hati.

Jika mendapati ketidakadilan ekonomi dan pasaran, mereka seharusnya

menentang bersama.

Negara-negara membangun seharusnya juga mampu bersaing dan tidak semata-mata mengharapkan segala-galanya jatuh dari langit. Jika menyadari liberalisasi perdagangan lebih menyulitkan untuk capaian teknologi dan pengetahuan, jalan penyelesaian hendaklah dicari. Jika dasar ekonomi di sesebuah negara menjadi puncaknya, ia perlulah diperbaiki. Malaysia juga menghadapi pelbagai sekatan dari Barat tetapi mampu melepaskan diri dengan melaksanakan dasar-dasar yang pragmatik. Jika rakyat di sesebuah negara malas dan terus menerus mengharapkan subsidi, sampai bila pun negara berkenaan tidak akan maju.

G77 tidak mungkin mendapat segala tuntutan jika kelemahan diri tidak diatasi. Ada perkara yang boleh dilakukan sendiri tanpa membuat tuntutan yang melampau. Dalam pemindahan teknologi umpamanya, negara anggota tidak perlu mengharapkan segala-galanya dari Barat. Sudah ada negara dalam G77 sendiri yang mampu memindahkan teknologi kepada negara mereka. Mengapa perlu berkiblat kepada Amerika Syarikat jika mereka boleh mendapatkan bantuan daripada negara sahabat yang lebih memahami masalah mereka. Malaysia, umpamanya sedia memberi bantuan, jika itulah bentuk bantuan yang diharapkan.

Negara-negara membangun tidak harus ketinggalan jauh di belakang. Dunia hari ini meletakkan industri berasaskan pengetahuan sebagai kunci kemajuan. Jika mereka masih taksud dengan industri berasaskan pertanian atau industri tanpa pengetahuan, mereka tetap akan ketinggalan.

Apa yang harus diperjuangkan sekarang ialah negara-negara membangun perlu diberi tempat untuk merumuskan dasar atau sistem dunia kerana mereka terbabit secara langsung kesan daripada percaturan kuasa-kuasa besar. Dalam isu Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) umpamanya, negara-negara membangun sewajarnya dibenar memberi pandangan mereka. WTO tidak boleh dikuasai hanya segelintir negara yang biasanya merumuskan peraturan untuk kepentingan dan masa depan perdagangan dan ekonomi negara mereka dan sekutu mereka. Untuk tujuan ini, dialog Utara-Selatan dianggap sebagai landasan yang sewajarnya.

Dialog seperti ini perlulah berasaskan kepada usaha mencari keadilan dunia, bukan mengenakan tekanan. Semua ini memerlukan pengetahuan.

Menggunakan hukuman ekonomi kepada mana-mana negara, boleh dianggap zalim dalam dunia moden hari ini. G77 bukanlah pertubuhan politik. Oleh itu, isu politik perlu diambil alih oleh pertubuhan lain. Sebarang provokasi politik yang membabitkan isu politik, sewajarnya dikesampingkan daripada G77 untuk memastikan kewibawaan pertubuhan ini terus dihormati. Forum NAM yang kebanyakannya dianggotai oleh negara G77, boleh digunakan untuk tujuan itu.

Dengan berakhirnya Sidang Puncak G77 ini, diharapkan negara-negara membangun lebih jelas dengan pendirian masing-masing bagi menghadapi cabaran baru.

(END)